

5 JENIS “RESEARCH GAP”

“ADA DI MANA-MANA”

“Ditemui dengan mudah jika anda banyak membaca”

5 JENIS “RESEARCH GAP”

1

• *Theoretical*

2

• *Conceptual*

3

• *Empirical*

4

• *Methodological*

5

• *Practical*

THEORETICAL

- Berkait dengan teori-teori sedia dan framework dalam kajian lepas.
- Terdapat kelemahan, limitasi atau sesuatu yang tidak pernah ada dalam teori dan framework kajian sedia ada dan anda merancang untuk menambah sesuatu yang baru serta menambahbaik teori atau framework kajian sedia ada.

STRATEGI MEMENUHI GAP THEORETICAL

- Tambah variabel dalam framework sedia ada daripada kajian lepas. (Mediator/Moderator?)
- Menggunakan satu teori yang cenderung digunakan dalam bidang lain dan kemudian diuji dalam kajian anda (terangkan bagaimana ia dapat dikaitkan dengan kajian dan bidang anda)
- Menggunakan framework yang sama dengan kajian lepas tetapi menerangkannya dengan menggunakan teori lain.
- Ambil satu framework dan uji dalam bidang anda.
- Uji dengan mediator atau moderator berbeza daripada kajian lepas. (Atau tambah)
- Bangunkan satu framework baru (sumbangan paling kuat)

CONCEPTUAL

- Berkait dengan konsep atau term of concept yang digunakan dalam kajian anda.
- Terdapat banyak konsep yang sama tetapi didefinisikan secara berbeza.
- Terdapat pembangunan konsep yang tidak dibangunkan secara jelas atau tidak dikaitkan dengan sebarang teori.

STRATEGI MEMENUHI GAP *CONCEPTUAL*

- Meneliti maksud konsep (Baca Smith & Medin, Gerring, 1999). Lihat bagaimana satu konsep itu dibangunkan. Adakah timbul keraguan atau tidak jelas?
- Guna satu konsep daripada bidang terdekat atau relavan dan bawakan ia ke dalam bidang anda. Berikan justifikasi lengkap. (Timbulkan pertanyaan, Bolehkan konsep bidang medikal dibawa masuk ke dalam bidang lain? Bolehkan ia dipinjam?).
- Berikan definasi lebih jelas pada konsep sedia ada jika terdapat keraguan
- Bangun konsep baharu jika tiada (tecnocracy?)

EMPIRICAL

- Berkaitan dapatan kajian lepas.
- Dapatan tidak konsisten (disokong/tidak disokong).
- Terdapat bias atau kelemahan/limitasi dalam aspek method yang dijangka mempengaruhi dapatan kajian lepas.
- Sampel yang datang daripada negara atau sektor berbeza tidak dapat digeneralkan kajian Malaysia.

STRATEGI MEMENUHI GAP *EMPIRICAL*

- Test sekali lagi relationship menggunakan sampel yang sama (sektor sama). Lihat adakah ia konsisten dengan kajian lepas
- Lihat kelemahan dan limitasi kajian dalam lepas dalam aspek method yang difikirkan dapat memberi impak kepada dapatan kajian. Atasi kelemahan dan limitasi tersebut dengan method yang lebih bagus.

METHODOLOGICAL

- Limitasi dalam method (kuali dan kuanti punya kekuatan dan kelemahan tersendiri) atau jenis analisis (analisis gen 1 atau gen 2).
- Kelemahan justifikasi dalam kajian lepas serta tidak kritikal dan bagaimana ia dapat diatasi dan diperbaiki. Tulis justifikasi yang lengkap dan kritikal.
- Penggunaan satu method cth kuali sahaja atau kuali sahaja. Bolehkan diperkembangkan dapatan dengan menggunakan mix method? Mix method (sequential design?)
- Instrumen yang berbeza tapi menggunakan konsep yang sama memberikan dapatan berbeza. Ia tidak dapat digeneralisasikan dalam kajian yang menggunakan instrumen berbeza dengan konsep yang sama.

STRATEGI MEMENUHI GAP *METHODOLOGICAL*

- Guna method yang paling baik menjawab persoalan kajian. Adakah dapatan perlu mendalam?
- Terdapat limitasi dalam analisis atau aspek statistik. Bincangkan dengan mendalam.
- Guna tambahan method jika perlu dapatan yang mendalam cth kuanti ke kuali.
- Guna instrumen yang berbeza menggunakan konsep yang sama. Bincangkan secara kritikal dengan membuat perbandingan beberapa instrumen sebelum menentukan instrumen utk kutipan data actual.
- Guna sampel berbeza: kedua-dua gender, sektor berbeza.
- Bangunkan instrumen baru.

PRACTICAL

- Perbincangan intervensi susah untuk diaplikasikan. Intervensi dari barat mungkin tidak sesuai utk Malaysia kerana dipengaruhi aspek yang pelbagai misalnya budaya, agama, budaya organisasi, kepimpinan, personaliti.
- Intervensi yang dicadangkan punya kelemahan cth telework (Cadangkan intervensi baharu yang lebih bagus)

Fateen Hazierah

<https://www.facebook.com/photo.php?fbid=1531956053490485&set=oa.1818517041507780&type=3&theater>